

Kaedah pelaksanaan dan keberkesanan melalui platform i-learn

Oleh: Ahmad Syaqui bin Md Hasan & Nur Masyitah binti Osman

Dengan ledakan revolusi industri 4.0, penggunaan teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin diperlukan dan tidak boleh lagi diketepikan. Universiti Teknologi MARA telah mengambil inisiatif terkehadapan dengan memperkenalkan Minggu Tanpa Dinding ataupun "Week Without Wall" dalam memperkasakan pembelajaran yang fleksibel dan aktif bersesuaian dengan "Education 5.0@UiTM" yang telah diperkenalkan bermula tahun 2018.



Kaedah pengajaran di alam maya sememangnya amat menarik tetapi menuntut kaedah pelaksanaan yang efektif agar penyampaian ilmu dapat diberikan dengan sepenuhnya dan difahami oleh pelajar. Terdapat pelbagai kaedah digunakan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi MARA seperti platform i-learn (yang dibangunkan oleh UiTM), *youtube*, *facebook*, *whatsapp*, *Instagram*, *google classroom* dan pelbagai lagi media yang membenarkan interaksi dua hala dijalankan. Interaksi yang berlaku samada dalam bentuk tulisan, video, gambar, animasi dan sebagainya. Selain daripada itu pelajar juga boleh diuji dengan ujian, kuiz atau tutorial berbentuk soalan dan ianya perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dengan kaedah ini pelajar akan perlu mencari maklumat secara pantas samada melalui cetakan keras seperti buku atau menggunakan carian di internet yang lebih pantas. Mereka akan lebih cakna akan kepentingan mencari maklumat

dengan pantas dan membuat saringan ke atas setiap maklumat yang didapati sebelum memuatnaik semula ke platform yang digunakan pensyarah. I-learn yang telah dibangunkan oleh UiTM merupakan satu platform menyeluruh yang memusatkan segala aktiviti *e-learning* UiTM. Melalui platform ini pensyarah boleh memuatnaik segala nota dan dokumen berkaitan kursus dan juga berinteraksi bersama pelajar yang mendaftar kursus tersebut. Senarai nama pelajar adalah dimuatnaik secara automatik daripada system icress UiTM dan ini menjadikan platform i-learn sangat efektif untuk digunakan di dalam pelaksanaan *week without wall*. Pensyarah juga boleh menjalankan proses penilaian termasuk kuiz dan ujian menggunakan platform ini selain memuatnaik kerja kursus yang diperlukan untuk memenuhi kurikulum sesuatu kursus. Menggunakan pautan *i-discuss* memudahkan pensyarah untuk berinteraksi bersama pelajar di samping memantau keterlibatan setiap pelajar di dalam sesi diskusi yang dianjurkan dengan menggunakan pautan *i-discuss monitoring*. Platform ini juga membenarkan para pelajar untuk memuatnaik file dalam bentuk video, dokumen samada dalam format 'microsoft word' ataupun 'pdf'. Ini sangat memberi kemudahan kepada pensyarah dan pelajar sekiranya diskusi itu memerlukan pelajar untuk menghantar laporan ataupun informasi dalam bentuk digital kepada pensyarah. Segalanya boleh dilakukan di platform *e-learning* ini. Bak kata pepatah 'segalanya kini hanya di hujung jari', semoga UiTM dapat menerajui inisiatif 'Education 5.0' dan mencapai kegemilangan di peringkat antarabangsa dalam aspek pembelajaran dan pengajaran.